

Rujukan Fail : 100-JKK [PT. 8/9]  
Tarikh : 30 Jun 2020

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato'/ Datin/ Prof./ Prof.Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

### **MAKLUMAN UNTUK MENGGUNAKAN MEDIUM YOUTUBE RASMI UNIVERSITI BAGI PAPARAN SECARA LANGSUNG PROGRAM DAN MAJLIS**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dalam proses meningkatkan jumlah penonton dan pelanggan di laman YouTube rasmi universiti, iaitu **YouTube UiTM Channel**, sukacita dimaklumkan bahawa YouTube UiTM setakat ini merupakan saluran video yang memiliki jumlah *subscribers* tertinggi di kalangan Universiti Awam (UA) dan jumlah keseluruhan tontonan sehingga kini telah melebihi 4 juta penonton di seluruh dunia.
3. Sehubungan itu, bermula 1 Julai 2020, segala program atau acara rasmi yang telah diluluskan dan mendapat kelulusan siaran, perlu melalui saluran rasmi Youtube ini sebagai platform utama tayangan. Ini merupakan salah satu inisiatif penjanaan pendapatan kepada universiti dan usaha untuk memastikan keselarasan medium hebahan untuk penganjuran program universiti.
4. Oleh itu, segala permohonan perlu melalui surat atau borang permohonan sedia ada yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Komunikasi untuk dikenal pasti program atau majlis yang bersesuaian bagi tujuan tersebut.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk / Dato'/ Datin/ Prof./ Prof.Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor